



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

## SIARAN MEDIA

### MAJLIS PERASMIAN PENUTUPAN PROGRAM BERMALAM DI MUZIUM PERDANA 2024

---

**Kuala Lumpur**, 31 Ogos 2024 - YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara telah hadir bagi menyempurnakan Majlis Perasmian Penutupan Program Bermalam di Muzium Perdana 2024 anjuran Kementerian Perpaduan Negara menerusi Jabatan Muzium Malaysia (JMM) di Muzium dan Galeri Bank Negara Malaysia, Kuala Lumpur, hari ini.

Program Bermalam di Muzium Perdana ini merupakan **salah satu program utama dalam Program Citra Nusa@Muzium**. Program Citra Nusa@Muzium merupakan **program permuziuman berteraskan warisan seni budaya menasarkankan penyertaan seluruh masyarakat daripada pelbagai latar belakang budaya dan kaum**.

Program ini bertujuan untuk **menyuburkan semula minat generasi muda terhadap warisan bersifat *tangible* (ketara) dan *intangible* (tidak ketara)** menerusi pendekatan *rejuvenate* muzium (meremajakan muzium) melalui seni dan teknologi. Seramai 2,222 orang peserta sekolah menengah yang berusia 13 hingga 17 tahun telah menyertai program ini melalui 33 buah muzium di seluruh negara yang terdiri daripada 18 buah Muzium Persekutuan di bawah seliaan Jabatan Muzium Malaysia, 9 buah Muzium Negeri dan 6 buah Muzium Institusi seluruh negara.

**Program Bermalam di Muzium Perdana 2024 ini telah berjaya mencipta rekod dalam *Malaysia Book of Record* (MBOR) dengan penglibatan peserta melukis poster patriotik paling ramai**. Tema yang menjadi pilihan pelajar menggambarkan unsur-unsur patriotik seperti wira-wira bangsa, bangunan bersejarah dan peristiwa sejarah. Rekod yang telah dicipta adalah *Largest Participation in Patriotic Themed Poster Making*. Pengiktirafan ini telah diberikan oleh MBOR pada majlis menandatangani Sijil MBOR petang tadi.

Penganjuran awal Program Bermalam di Muzium buat julung kalinya dipelopori oleh Muzium Negara pada tahun 2005 dan diadakan bersempena sambutan bulan kemerdekaan negara. Kejayaan penganjuran program ini telah **merintis pelaksanaan program yang seumpamanya di beberapa buah muzium lain di bawah pentadbiran JMM malah turut tersebar dan menjadi ikutan muzium-muzium lain di seluruh negara.**

YB Datuk Aaron Ago Dagang dalam ucapannya **menyeru supaya anak-anak muda agar meningkatkan semangat patriotisme serta memupuk semangat perpaduan dalam diri untuk memastikan kemerdekaan tanah air ini terus kekal dan dipertahankan.**

Dalam program yang sama juga, Bank Negara Malaysia telah **melancarkan 'MAG in Your Pocket' yang merupakan strategi digital Muzium dan Galeri Seni Bank Negara Malaysia sebagai pembelajaran mudah alih tanpa batas.** Aplikasi ini menawarkan bahan pembelajaran yang boleh diakses oleh sesiapa sahaja, tanpa mengira di mana mereka berada dalam memperluas akses dan inklusiviti kepada pendidikan kewangan.

Majlis ini turut dihadiri oleh YBhg. Dato' Marzunisham Omar, Timbalan Gabenor Bank Negara Malaysia, YBhg. Datuk Azman bin Mohd Yusof, Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara dan Datuk Kamarul Baharin bin A. Kasim, Ketua Pengarah Jabatan Muzium Malaysia.

**Kementerian Perpaduan Negara**

31 Ogos 2024